

GEREJA KRISTUS LIKAS
Mengenal dan Memperkenalkan Kristus
Bisyop Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais
Suffragan Bisyop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin
Rektor: The Ven. (E) Moses Chin Su Hyun

Hubung
P. O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu, 88670 Kota Kinabalu, Sabah.

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-661 1558
https://christchurchlikas.org/ | cclikas@gmail.com

Minggu 3 Sebelum Adventus – 8 November 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, hamba-Mu yang terpilih iaitu Abraham telah mentaati panggilan-Mu dan bersukacita dalam perjanjian-Mu, bahawa di dalam dia, semua keluarga di bumi diberkati: berilah kami iman seperti dia, supaya perjanjian-Mu digenapi di dalam kami, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 25:1-13 | Bacaan Responsif – kisah Para Rasul 13:1-5



Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:
YouTube: https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. **SAMBUTAN MESRA**
   Selamat datang kepada Canon Robert Vun dan isterinya, Ruth, dan selamat melayani di kebaktian pagi, Gereja Kristus Likas. Untuk makluman, mereka melayani di Katedral St. Paul, Melbourne.

2. **HEBAHAN PELAYANAN MISI** – 'mengasihi dan melayani'
   Bulan ini ialah 'Bulan Misi.' Marilah kita berdoa, memberi dan mengambil bahagian dalam pelayanan misi di luar gereja kita.
   - Kita mengalu-alukan empat rakan daripada kapal misi **Doulos Hope** yang akan bersama kita sehingga 20 November:
     - Joaquin – Peru
     - Christy – United States
     - Prasoon – United Kingdom
     - Gaer – Papua New Guinea

     Sila hubungi Ps. Margaret sekiranya anda ingin menjemput mereka mengunjungi kumpulan sel atau persekutuan anda, ataupun untuk menikmati jamuan makan bersama.
   - Tim Misi 1 – **Kem Perubatan** di Kg. Tampios, Ranau. Pasukan misi telah kembali dengan penuh sukacita. Sila saksikan sedutan video pelayanan misi tersebut.
   - Tim Misi 2 – **Kem Kebangunan Rohani** di Nunukan & Seimenggaris, Kalimantan. Rev. Samuel Sampe dan tim tiba di sana kelmarin dan dijangka pulang esok. Berdoa agar pelayanan mereka diberkati dan perjalanan balik dalam perlindungan Tuhan.



   - Tim Misi 3, 7-10 Dec – **Kem Kanak-Kanak** di Sook. Pastor Margaret akan mengetuai tim ini untuk mengadakan kem kanak-kanak sempena Krismas. Tim telah dibentuk.
     Gereja di Sook menyasarkan kehadiran lebih daripada 200 orang kanak-kanak dari kawasan sekitar bagi program ini.
   - **Bazar Misi**, minggu depan, 15 Nov – Bawalah barangan terpakai atau baru yang sesuai untuk dijual. Semua hasil jualan akan disalurkan kepada 'Dana Kebajikan dan Misi'.
     Kami memerlukan barangan untuk bilik bayi gereja (katil bayi dan meja menukar lampin, dll.) dan peralatan dapur bagi melengkapi apartmen staf gereja yang baharu. (dapur memasak, periuk, kuali dan pinggan, dll.).

3. **SEKOLAH VISI SANDAKAN**
   Tahniah kepada Sekolah Visi Sandakan yang menyambut ulang tahun ke-10 pada hujung minggu ini. Bersama-sama Sekolah Visi Tawau, kedua-dua sekolah ini dimiliki dan dikendalikan oleh Diosis Anglikan Sabah dengan menggunakan sukatan pelajaran kebangsaan.
   Rektor kita, dan keluarganya turut bersama-sama memeriahkan sambutan ini.
4. **PERSEDIAAN MENYAMBUT KRISMAS**
   - 500-paduan suara – Koir ini akan membuat persembahan nyanyian sempena Sambutan Krismas Sabah yang akan berlangsung pada 8–11 Disember di padang bandaran.
   - Krismas-Ria, 13 Dis – Program terbuka ini akan diadakan di padang gereja dengan nyanyian karol, gerai makanan dan pelbagai aktiviti.
     Tempahan baju-T boleh dibuat di Kaunter Pelayanan Jemaat. Anda juga dialu-alukan untuk menempah gerai jualan seperti makanan, hiasan dan sebagainya. Borang permohonan boleh didapati di kaunter tersebut.
   - Kami memerlukan bantuan untuk pelbagai persiapan seperti menghias gereja, memasang lampu dan membungkus hadiah. Sila hubungi pejabat gereja untuk turut serta membantu.
5. **DANA VAN GEREJA**
   Setakat ini, jumlah terkumpul dalam Dana Van Gereja ialah RM92,471.07 daripada sasaran RM185,000. Sumbangan anda amat dialu-alukan. Semua sumbangan umum seperti kesyukuran, perkahwinan, pemberkatan rumah dan pengebumian akan disalurkan kepada Dana Van Gereja. Sumbangan khusus seperti kebajikan, misi, biasiswa, Caleb dan sebagainya akan disalurkan mengikut tujuan yang ditetapkan.
6. **PELAYANAN LAINNYA**
   - Esok cuti umum sempena Deepavali. Pejabat gereja akan ditutup dan dibuka semula pada Rabu, 11 November.
   - 16 Nov, 8:00 mlm – **Persekutuan Doa ADOS-W** bertempat di Gereja Anglikan Manggatal. Ketiga-tiga sidang bahasa akan digabungkan. Maklumat lanjut akan menyusul.
   - 21 Nov, 9:30 pg – **Evergreens**, Dewan Omega.
   - 21 Nov, 2:00 ptg – **Mesyuarat PCC.**
   - 26 Nov, 8:00 pg – **Perjamuan Kudus Rumah**.
   - **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Anita Chew & keluarga.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas
Boost: https://myboost.app.link/FPvG94VIT4

'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Nov 9	Gal 1-2	Mz 139	Jum, Nov 13	Efe 2	Mz 143
	Sel, Nov 10	Gal 3-4	Mz 140	Sab, Nov 14	Efe 3	Mz 144
	Rab, Nov 11	Gal 5-6	Mz 141	Ahd, Nov 15	Efe 4	Mz 145
	Kha, Nov 12	Efe 1	Mz 142			

"Panggilan untuk Misi" – Renungan dan Perbincangan:

a. Apakah dua barang yang wajib anda bawa ketika melancong?. Cth, telefon bimbit, bantal, vitamin C dan sebagainya. Mengapa?

b. Dalam perumpamaan sepuluh gadis (Matius 25:1–13), gadis-gadis bijaksana sentiasa bersedia menantikan kedatangan pengantin lelaki.
   - Bagaimana kita dapat bersedia menantikan kedatangan Yesus, dan apakah sebabnya orang Kristian leka secara rohani?
   - Adakah penglibatan dalam pelayanan misi membantu kita mempersiapkan diri menyambut kedatangan Kristus? Mengapa?

c. Dalam Kisah 13:1–5, bagaimanakah gereja mula-mula mengetahui panggilan Tuhan untuk melakukan pelayanan misi? Apakah pengajaran yang boleh kita pelajari daripada mereka?
   - Setiap orang Kristian dipanggil untuk terlibat dalam misi. Bagaimana anda boleh terlibat dalam misi di mana pun anda berada?
   - Adakah anda rasa Tuhan mungkin memanggil anda untuk melayani di tempat lain, sama ada di kota lain atau negara lain? Kongsikan.

d. Sekiranya anda dipanggil untuk melayani di ladang misi, apakah peranan atau pelayanan yang ingin anda lakukan? Contohnya, dalam bidang kesihatan, perakaunan, pendidikan dan sebagainya. Bagaimanakah anda dapat menyumbang? Apakah latihan atau kemahiran yang anda miliki?

UNTUK DIDOAKAN

Dunia yang Kita Kasihi

- Berdoa agar Tuhan terus memberkati dan memperluas pelayanan misi-Nya di seluruh dunia, khususnya melalui kapal misi Doulos Hope. Berdoa juga untuk empat orang sahabat daripada kapal tersebut yang kini berada bersama kita.

Pelayanan Misi yang Kita Kasihi

- Berdoa agar Tuhan menyertai dan memimpin tim misi di Nunukan dan Simenggaris, khususnya Rev. Samuel Sampe dan seluruh anggota pasukan. Kiranya Roh Tuhan bekerja dengan luar biasa dan membawa banyak jiwa mengalami kasih serta kuasa-Nya.

Diri sendiri

- Berdoa agar Tuhan menggerakkan hati kita semua untuk turut serta dalam misi-Nya mengasihi dunia melalui Yesus Kristus, sama ada sebagai pemberi, pengutus atau mereka yang pergi melayani.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda. Doakan buat ibu Suria.